

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA 2010

PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PENGAJIAN PASCASISWAZAH) 2026

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama, permulaan kuat kuasa, pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENGAJIAN

3. Mod pengajian
4. Tempoh pengajian program sarjana
5. Tempoh pengajian program kedoktoran
6. Tempoh pengajian am
7. Tambahan masa pengajian
8. Bentuk pendaftaran
9. Penukaran mod pengajian
10. Penukaran program atau pengkhususan
11. Penukaran ambilan
12. Syarat mastautin
13. Syarat keperluan Bahasa Arab

BAHAGIAN III

PENGENDALIAN PENYELIAAN, KERJA KURSUS DAN PENYELIDIKAN

14. Pelantikan penasihat
15. Pelantikan dan syarat kelayakan Penyelia

16. Taraf dan pendaftaran kursus
17. Beban kerja kursus
18. Pematuhan program atau kursus
19. Keperluan penyelidikan
20. Penambahan, pengguguran dan penarikan diri dari kursus
21. Pemindahan kredit
22. Pengecualian kursus
23. Disertasi atau tesis
24. Serahan disertasi atau tesis
25. Syarat penerbitan

BAHAGIAN IV

AM

26. Garis panduan, arahan, dsb
27. Pembatalan, kecualian dan peralihan

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA 2010

PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PENGAJIAN PASCASISWAZAH) 2026

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 38(3) dan (4) Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010 [P.U.(A)446], Lembaga Pengarah Universiti dengan ini membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Peraturan-peraturan ini boleh dinamakan **Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Pascasiswazah) 2026**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Lembaga melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Lembaga boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

(3) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua Pelajar yang mendaftar suatu program yang mengurniakan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

“APEL.C” mempunyai erti yang sama dalam Kaedah;

“APEL.Q” mempunyai erti yang sama dalam Kaedah;

“Dekan Fakulti” ertinya Dekan Fakulti dan termasuk mana-mana Pengarah atau Ketua Akademi, Pusat, Sekolah, atau Institut yang dilantik di bawah subseksyen 24(4) dan (5) Perlembagaan;

“disertasi” ertinya dokumen penyelidikan asli yang disediakan dan dihantar oleh Pelajar bagi penganugerahan Ijazah Sarjana mod pengajian di bawah perenggan (3)(1)(a) dan (3)(1)(c)

Peraturan;

“disertasi atau tesis kompilasi” ertinya format penulisan disertasi atau tesis yang merupakan gabungan artikel yang telah diterbitkan atau yang telah diterima untuk diterbitkan seperti yang diperinci dalam garis panduan penulisan disertasi atau tesis kompilasi yang ditetapkan oleh Senat;

“Fakulti” mempunyai erti yang sama dalam Kaedah;

“Ijazah Kedoktoran” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Kaedah;

“Ijazah Sarjana” sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Kaedah;

“Jawatankuasa Penyeliaan” ertinya suatu jawatankuasa yang terdiri daripada seorang kakitangan akademik Universiti yang dilantik sebagai Pengerusi dan sekurang-kurangnya dua ahli lain sebagai ahli Jawatankuasa Penyeliaan untuk menyelia penyelidikan, penyediaan disertasi atau tesis dan membimbing serta menilai pengajian Pelajar;

“Jawatankuasa Peperiksaan Lisan” ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menilai, menimbang dan memperaku keputusan pemeriksaan disertasi atau tesis dan peperiksaan lisan Pelajar;

“kakitangan akademik” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Kaedah;

“kampus” ertinya tempat pengajian yang diiktiraf oleh Senat;

“Kaedah” ertinya Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Pascasiswazah) 2026;

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Malaysia;

“kredit” ertinya nilai beban bagi satu jam kredit yang bersamaan dengan jam belajar atau masa pembelajaran setara dengannya selama satu semester pengajian;

“kursus” ertinya suatu mata pelajaran yang ditawarkan dalam struktur program pengajian;

“Mod campuran” ertinya suatu program pengajian yang mempunyai komponen kerja kursus dan penyelidikan.

“Mod kerja kursus” ertinya suatu program pengajian yang memfokus kepada kerja kursus;

“Mod kerja kursus klinikal” ertinya suatu program pengajian yang mempunyai komponen kerja kursus dan latihan klinikal termasuk kajian kes dan penyelidikan;

“Mod penyelidikan” ertinya suatu program pengajian yang memfokuskan kepada penyelidikan;

“ODL” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Kaedah;

“Pelajar” ertinya mana-mana pelajar berdaftar Universiti yang mengikuti pengajian pascasiswazah di Universiti di bawah suatu program;

“Penyelia” ertinya kakitangan akademik atau pakar dari dalam atau luar Universiti yang dilantik oleh Fakulti berfungsi bagi membimbing dan menilai pengajian Pelajar terdiri daripada Penyelia Utama atau Penyelia Bersama atau Jawatankuasa Penyeliaan termasuklah penyeliaan penyelidikan, penyediaan disertasi atau tesis;

“Penyelia Utama” ertinya kakitangan akademik Universiti aktif dan sepenuh masa yang dilantik bagi mengetuai kumpulan dua orang Penyelia untuk menyelia penyelidikan, penyediaan disertasi atau tesis, membimbing dan menilai pengajian Pelajar termasuklah Penyelia akademik bagi mod kerja kursus (klinikal);

“Penyelia Bersama” ertinya mana-mana orang yang dilantik untuk membantu Penyelia Utama bagi menyelia penyelidikan, penyediaan disertasi atau tesis, membimbing dan menilai pengajian Pelajar termasuklah Penyelia klinikal atau praktikum dan Penyelia penyelidikan bagi mod kerja kursus klinikal;

“peperiksaan lisan” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Kaedah;

“program” ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Kaedah;

“satu tahun pengajian” ertinya tempoh yang mengandungi—

(a) tiga semester yang terdiri daripada dua semester panjang dan satu semester pendek; atau

(b) dua semester panjang dengan tempoh minimum empat puluh tiga minggu;

“Satu Tahun Pengajian bagi ODL” ertinya tempoh pengajian yang mengandungi tiga semester yang sama panjang dalam satu tahun dengan tempoh empat belas minggu bagi setiap semester;

“saudara”, ertinya sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Kaedah;

“semester” ertinya tempoh tertentu di dalam sesuatu sesi yang ditetapkan oleh Senat;

“sesi akademik” ertinya tahun akademik yang tarikhnya ditetapkan oleh Senat ;

“tempoh lazim” ertinya jangka masa biasa yang ditawarkan oleh sesuatu mod program pengajian;

“tesis” ertinya dokumen yang disediakan dan dihantar oleh Pelajar mod pengajian di bawah perenggan (3)(1)(a) dan (3)(1)(c) sebagai bukti telah menjalankan penyelidikan asli dalam bidang tertentu bagi penganugerahan Ijazah Kedoktoran;

“Universiti” mempunyai erti yang sama di bawah Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010 [P.U (A) 446].

BAHAGIAN II

PENGAJIAN

Mod pengajian

3. (1) Tertakluk kepada Senat dan penawaran program pengajian, mod pengajian untuk program sarjana atau kedoktoran termasuklah mod—

- (a) penyelidikan;
- (b) kerja kursus; dan
- (c) campuran.

(2) Mod kerja kursus di bawah subperaturan (1)(b) termasuklah—

- (a) kerja kursus;
- (b) kerja kursus modular; atau
- (c) kerja kursus klinikal.

Tempoh pengajian program sarjana

4. (1) Tempoh pengajian bagi program di bawah perenggan 3(1)(a) bagi Pelajar—
 - (a) yang mengikuti pengajian sepenuh masa, Pelajar hendaklah memenuhi tempoh lazim selama dua tahun dan maksimum tiga tahun; atau
 - (b) yang mengikuti pengajian separuh masa, Pelajar hendaklah memenuhi tempoh lazim selama tiga tahun dan maksimum empat tahun.
- (2) Walau apa pun subperaturan (1), mana-mana Pelajar yang cemerlang boleh memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti untuk dikecualikan daripada syarat tempoh lazim dan tertakluk kepada tempoh minimum satu tahun dengan syarat Pelajar hendaklah memenuhi—
 - (a) Syarat yang ditetapkan Fakulti;
 - (b) keperluan program; dan
 - (c) syarat penerbitan.
- (3) Tempoh pengajian bagi program di bawah perenggan 3(1)(c), 3(2)(a) dan 3(2)(b) bagi Pelajar—
 - (a) yang mengikuti pengajian sepenuh masa, hendaklah memenuhi tempoh minimum tidak kurang daripada satu tahun dan maksimum sekali ganda tempoh minimum yang ditawarkan dalam program; atau
 - (b) yang mengikuti pengajian separuh masa, hendaklah memenuhi tempoh minimum selama dua tahun dan maksimum empat tahun.
- (4) Tempoh pengajian bagi program di bawah perenggan 3(1)(c), 3(2)(a) dan 3(2)(b) secara ODL bagi Pelajar—
 - (a) yang mengikuti pengajian sepenuh masa, hendaklah memenuhi tempoh lazim sekurang-kurangnya satu tahun dan maksimum tiga kali ganda tempoh lazim yang ditawarkan dalam program; atau
 - (b) yang mengikuti pengajian separuh masa, hendaklah memenuhi tempoh

lazim sekurang-kurangnya dua tahun dan maksimum tiga kali ganda tempoh lazim yang ditawarkan dalam program.

(5) Walau apa pun subperaturan (4), mana-mana Pelajar boleh memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti untuk dikecualikan daripada syarat tempoh lazim tertakluk kepada tempoh minimum satu (1) tahun dan perlu setelah memenuhi keperluan program.

Tempoh pengajian program kedoktoran

5. (1) Tempoh pengajian bagi Pelajar—

- (a) yang mengikuti pengajian sepenuh masa, Pelajar hendaklah memenuhi tempoh lazim selama tiga tahun dan maksimum enam tahun; atau
- (b) yang mengikuti pengajian separuh masa, Pelajar hendaklah memenuhi tempoh lazim selama empat tahun dan maksimum tujuh tahun.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), mana-mana Pelajar boleh memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti untuk dikecualikan daripada syarat tempoh lazim dan tertakluk kepada tempoh minimum dua tahun dengan syarat Pelajar hendaklah memenuhi—

- (a) syarat yang ditetapkan Fakulti;
- (b) keperluan program; dan
- (c) syarat penerbitan.

(3) Pelajar bagi program di bawah perenggan 3(1)(a) adalah dianggap sebagai bergraduasi dalam tempoh masa yang ditetapkan hendaklah memenuhi syarat—

- (a) menamatkan pengajian dalam tempoh tujuh semester atau empat puluh dua bulan yang dihitung dari tarikh pendaftaran hingga tarikh tamat pengajian yang diluluskan oleh Senat; dan
- (b) Pelajar yang diberikan penangguhan akan dikira sebagai tempoh bergraduasi kecuali atas sebab perubatan dan telah diluluskan oleh Senat.

Tempoh pengajian am

6. (1) Pelajar yang mengikuti mod pengajian di bawah perenggan 3(1)(c) dan 3(2)(a) secara laluan APEL.Q hendaklah mengikuti tempoh pengajian yang ditetapkan oleh Senat dan Agensi Kelayakan Malaysia tertakluk kepada—

- (a) Pelajar sarjana hendaklah mengikuti tempoh pengajian minimum untuk bergraduat seperti yang ditetapkan oleh senat dan tempoh pengajian maksimum empat tahun;
- (b) Pelajar kedoktoran hendaklah mengikuti tempoh pengajian minimum dua tahun dan tempoh pengajian maksimum lapan tahun.

(2) Walau apa pun subperaturan 6(1), mana-mana Pelajar yang menunjukkan pencapaian yang cemerlang, boleh memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti untuk dibenarkan bergraduat lebih awal tertakluk kepada kelulusan Senat.

(3) Pelajar program sarjana atau kedoktoran yang mengikuti mod pengajian di bawah perenggan 3(2)(c) hendaklah memenuhi tempoh minimum empat sesi akademik dan maksimum tujuh sesi akademik secara sepenuh masa sahaja.

(4) Walau apapun yang diperuntukkan dalam subperaturan 6(3), tempoh pengajian bagi program Sarjana melalui mod pengajian di bawah perenggan 3(2)(c) sebagai laluan kepada program kedoktoran pakar di Fakulti Pergigian adalah tertakluk kepada ketetapan—

- (a) struktur program merangkumi satu tahun pengajian pada peringkat Sarjana yang diikuti dengan tiga tahun pengajian pada peringkat kedoktoran pakar;
- (b) tempoh pengajian peringkat Sarjana adalah secara sepenuh masa dengan tempoh lazim satu sesi akademik dan tiada pertambahan tempoh pengajian dibenarkan; dan
- (c) tempoh lazim pengajian di peringkat kedoktoran pakar adalah tiga sesi akademik dan tempoh maksimum adalah empat sesi akademik sahaja secara sepenuh masa.

(5) Dekan Fakulti boleh mempertimbangkan permohonan daripada mana-mana

Pelajar yang terkesan akibat bencana atau krisis luar jangka tertakluk kepada penambahan masa tidak lebih satu semester bergantung kepada pengiraan kriteria merit akademik di bawah subperaturan 5(3) dan subkaedah 19 (1) Kaedah.

Tambahan masa pengajian

7. (1) Mana-mana Pelajar dalam semester akhir tempoh pengajian maksimum yang ingin membuat permohonan tambahan masa hendaklah memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti.

(2) Apa-apa kelulusan tambahan masa hendaklah terhad kepada satu semester bagi setiap permohonan dan tidak melebihi tiga semester tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), Pelajar boleh memohon tambahan masa satu semester sahaja tertakluk kepada perakuan Dekan Fakulti dan keputusan Senat.

(4) Mana-mana Pelajar yang gagal untuk mendapatkan kelulusan tambahan masa di bawah subperaturan (2), hendaklah diberhentikan atas alasan tamat tempoh pengajian.

(5) Pelajar yang diberhentikan di bawah subperaturan (4) boleh mengemukakan rayuan tambahan masa secara bertulis untuk meneruskan pengajian kepada Dekan Fakulti dalam tempoh empat minggu selepas penerimaan notis pemberhentian.

(6) Mana-mana Pelajar yang telah menerima kelulusan tambahan masa tidak boleh menangguh pengajian kecuali—

(a) Pelajar yang mengalami masalah kesihatan dirinya boleh memohon penangguhan pengajian yang hendaklah disertakan dengan—

(i) perakuan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan atau Universiti, Pegawai Perubatan Klinik Panel Universiti, Ahli Psikologi Klinikal, Kaunselor bertauliah Kerajaan atau Universiti; atau

(ii) perakuan daripada Pegawai Perubatan Hospital atau Klinik Swasta dan lain-lain dan perakuan tersebut hendaklah disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau Universiti; atau

(b) dalam apa-apa keadaan lain yang ditentukan oleh Senat dari

semasa ke semasa.

(7) Penangguhan pengajian dalam tambahan masa di bawah subperaturan (6) hendaklah mendapat kelulusan Senat.

(8) Mana-mana Pelajar yang mengalami masalah kesihatan mental boleh mendaftar semula dengan syarat Pelajar hendaklah mendapatkan pengesahan keupayaan untuk meneruskan pengajian daripada Pegawai Perubatan Kerajaan atau Universiti atau Pegawai Perubatan Swasta yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

(9) Walau apa pun peraturan 7 hendaklah tidak terpakai ke atas Pelajar yang telah menyerahkan disertasi atau tesis untuk peperiksaan lisan.

Bentuk pendaftaran

8. (1) Pelajar warganegara dibenarkan untuk memilih sama ada untuk mengikuti program pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa.

(2) Sekiranya Pelajar ingin menukar bentuk pendaftaran daripada sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya, bagi program yang berkaitan, hendaklah mematuhi syarat yang berikut:

- (a) Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam tempoh empat minggu daripada tarikh semester bermula.
- (b) Permohonan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.
- (c) Permohonan tidak boleh dibuat selepas tempoh maksimum pengajian tamat.

(3) Pengiraan tempoh pengajian bagi Pelajar yang diluluskan penukaran bentuk pendaftaran adalah seperti yang berikut:

- (a) Penukaran bentuk pendaftaran sepenuh masa kepada separuh masa—

$$\frac{(FT_{maks} - \sum n)}{FT_{maks}} \times PT_{maks} = N_{baki}$$

$$\sum sem = \sum n + N_{baki}$$

FT_{maks} : Tempoh maksimum pengajian sepenuh masa

$\sum n$: Jumlah semester mendaftar semasa permohonan

PT_{maks} : Tempoh maksimum pengajian separuh masa

N_{baki} : Baki semester pengajian

$\sum sem$: Tempoh maksimum pengajian selepas pertukaran

Simulasi: Pelajar program Doktor Falsafah (Mod Penyelidikan) memohon penukaran bentuk pendaftaran daripada sepenuh masa kepada separuh masa semasa berada pada semester kelapan pengajiannya, kaedah pengiraan bagi penentuan tempoh pengajiannya yang baharu seperti yang berikut:

$$\frac{(12 - 8)}{12} \times 14 = 4.67 \Rightarrow (5)$$

Tempoh maksimum selepas pertukaran, $\sum sem$

$$13 = 8 + 5$$

(b) Penukaran bentuk pendaftaran separuh masa kepada sepenuh masa—

$$\frac{(PT_{maks} - \sum n)}{PT_{maks}} \times FT_{maks} = N_{baki}$$

$$\sum sem = \sum n + N_{baki}$$

FT_{maks} : Tempoh maksimum pengajian sepenuh masa

$\sum n$: Jumlah semester mendaftar semasa permohonan

PT_{maks} : Tempoh maksimum pengajian separuh masa

N_{baki} : Baki semester pengajian

$\sum sem$: Tempoh maksimum pengajian selepas pertukaran

Simulasi: Pelajar program Ijazah Kedoktoran (Mod Penyelidikan) memohon penukaran bentuk pendaftaran daripada separuh masa kepada sepenuh masa semasa berada pada semester kelapan pengajiannya, kaedah pengiraan bagi penentuan tempoh pengajian yang baharu adalah seperti yang berikut:

$$\frac{(14 - 8)}{14} \times 12 = 5.14 \Rightarrow (5)$$

Tempoh maksimum selepas pertukaran, $\sum sem$

$$13 = 8 + 5$$

(4) Semua Pelajar antarabangsa hendaklah mendaftar dan mengikuti semua program pengajian secara sepenuh masa sahaja, mulai dari tarikh pendaftaran yang pertama sehingga tamat pengajian.

(5) Pelajar antarabangsa di bawah program ODL—

(a) yang ingin mengikuti program pengajian di negara masing-masing boleh mendaftar secara sepenuh masa atau separuh masa;

(b) sekiranya Pelajar ingin menukar bentuk pendaftaran daripada sepenuh masa kepada separuh masa atau sebaliknya hendaklah membuat permohonan kepada Dekan Fakulti tertakluk kepada syarat yang berikut:

(i) Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam tempoh empat minggu daripada tarikh semester bermula.

- (ii) Permohonan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.
- (iii) Permohonan tidak boleh dibuat selepas tempoh maksimum pengajian tamat.
- (c) Kaedah pengiraan untuk menentukan tempoh pengajian yang baharu selepas penukaran hendaklah mengikut kaedah pengiraan seperti di bawah subperaturan (3).

(6) Pelajar yang mengikuti program sarjana dengan mod pengajian di bawah perenggan 3(2)(c) dan program kedoktoran pakar di Fakulti Pergigian di bawah perenggan 3(1)(c) dan 3(2)(c) hendaklah mengikuti program pengajian secara sepenuh masa.

(7) Ekspatriat yang sedang berkhidmat di Malaysia dibenarkan untuk melanjutkan pengajian secara separuh masa tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) berada di Malaysia menggunakan Pas Pengajian;
- (b) mendapatkan kelulusan Jabatan Imigresen Malaysia untuk mendapatkan kebenaran belajar menggunakan Pas Pengajian sebelum mendaftar sebagai Pelajar separuh masa;
- (c) sekiranya kontrak ekspatriat tamat atau ditamatkan, perlu memohon pas pelajar daripada Jabatan Imigresen Malaysia dan menukar bentuk pendaftaran pengajian ke sepenuh masa.

Penukaran mod pengajian

9. (1) Pelajar yang mengikuti program pengajian di bawah mana-mana mod boleh memohon penukaran mod pengajian dan hendaklah—

- (a) dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam tempoh empat minggu daripada tarikh semester bermula;
- (b) dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian;
- (c) dibuat dalam tempoh tiga semester dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti;

- (d) memenuhi syarat kelayakan masuk mod pengajian baharu; dan
- (e) mematuhi syarat pemindahan kredit dan pengecualian kursus, masing-masingnya di bawah peraturan 21 dan 22.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Pelajar yang mengikuti program sarjana dengan mod pengajian di bawah perenggan 3(2)(c) dan program kedoktoran pakar di Fakulti Pergigian dengan mod pengajian di bawah perenggan 3(1)(c) dan 3(2)(c) tidak boleh menukar mod pengajian.

(3) Pelajar yang diluluskan penukaran daripada mod pengajian di bawah perenggan 3(1)(a) kepada mod pengajian di bawah perenggan (3)(1)(c), (3)(2)(a), (3)(2)(b) atau sebaliknya, hendaklah menjalani tempoh pengajian baharu.

(4) Pelajar yang diluluskan penukaran daripada mod pengajian di bawah perenggan (3)(2)(a) atau (3)(2)(b) kepada mod pengajian di bawah perenggan (3)(1)(c) atau sebaliknya, tempoh pengajian mod asal hendaklah diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pengajian.

Penukaran program atau pengkhususan

10. (1) Pelajar yang mengikuti suatu program atau pengkhususan di mana-mana Fakulti boleh memohon untuk menukar kepada program atau pengkhususan yang baharu di Fakulti yang sama atau lain dan hendaklah—

- (a) dibuat secara bertulis kepada kedua-dua Dekan Fakulti bagi penukaran melibatkan fakulti berbeza atau kepada Dekan Fakulti bagi penukaran dalaman dalam tempoh dua semester dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti;
- (b) dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian;
- (c) memenuhi syarat kemasukan program atau pengkhususan baharu; dan
- (d) mematuhi syarat pemindahan kredit dan pengecualian kursus, masing-masingnya di bawah peraturan 21 dan 22.

(2) Pelajar yang memohon penukaran program atau pengkhususan kepada Fakulti yang berlainan hendaklah menjalani tempoh pengajian baharu bagi melayakkan diri untuk

suatu ijazah.

(3) Tempoh pengajian sebelum penukaran ke program atau pengkhususan baharu bagi Pelajar yang membuat penukaran dalam Fakulti yang sama boleh ditetapkan oleh Dekan Fakulti seperti yang berikut:

- (a) Boleh diambil kira sekiranya kandungan silibus kerja kursus atau projek penyelidikan adalah setara.
- (b) Boleh tidak diambil kira sekiranya kandungan silibus kerja kursus atau projek penyelidikan Pelajar berlainan sepenuhnya daripada program atau pengkhususan terdahulu.

(4) Pelajar antarabangsa yang telah mendapat kelulusan penukaran program atau pengkhususan hendaklah memaklumkan pejabat pengurusan visa di Universiti untuk mendapatkan penukaran pas pelajar.

Penukaran ambilan

11. Pelajar ambilan komersial tidak dibenarkan untuk menukar ke ambilan arus perdana.

Syarat mastautin

12. Kehadiran fizikal Pelajar di kampus tertakluk kepada keperluan program pengajian yang ditetapkan oleh Dekan Fakulti.

Syarat keperluan Bahasa Arab

13. (1) Bagi program atau pengkhususan tertentu, Fakulti boleh menentukan Pelajar yang perlu menduduki dan lulus ujian kelayakan Bahasa Arab.

(2) Pelajar yang gagal ujian di bawah subperaturan (1) hendaklah mengikuti dan lulus kursus Bahasa Arab pengukuhan tertakluk kepada ketetapan semasa Fakulti.

(3) Walau apa pun subperaturan (1) dan (2), Senat atau mana-mana orang yang diwakilkan kuasa oleh Senat secara bertulis boleh memberi pengecualian syarat keperluan Bahasa Arab kepada mana-mana Pelajar.

BAHAGIAN III

PENGENDALIAN PENYELIAAN, KERJA KURSUS DAN PENYELIDIKAN

Pelantikan penasihat

14. Dekan Fakulti boleh melantik mana-mana kakitangan akademik dari Fakulti sebagai penasihat akademik atau mana-mana orang dari industri sebagai penasihat industri untuk membimbing dan menasihati Pelajar berhubung dengan pengajiannya.

Pelantikan dan syarat kelayakan Penyelia

15. (1) Penyelia bagi Pelajar di bawah subperaturan 3(1)(a), 3(1)(c) dan 3(2)(c) hendaklah terdiri daripada—

- (a) seorang Penyelia Utama;
- (b) seorang ahli dari kumpulan dua orang Penyelia yang terdiri daripada seorang Penyelia Utama dan seorang Penyelia Bersama; atau
- (c) Jawatankuasa Penyeliaan yang terdiri daripada seorang Penyelia Utama sebagai pengerusi dan lebih seorang Penyelia Bersama sebagai ahli.

(2) Pelajar Ijazah Kedoktoran di bawah perenggan 3(1)(a) dan 3(1)(c) hendaklah mempunyai tidak kurang daripada dua Penyelia yang mana dua daripadanya hendaklah terdiri daripada kakitangan akademik Universiti.

(3) Pelajar di bawah perenggan 3(1)(a) secara laluan industri hendaklah mempunyai Penyelia Bersama atau Jawatankuasa Penyeliaan yang mempunyai keahlian industri di tempat Pelajar menjalankan penyelidikan.

(4) Walau apa pun subperaturan (1) hingga (3), Penyelia hendaklah dilantik oleh Dekan Fakulti dan bertanggungjawab untuk menyelia dan membimbing penyelidikan, penulisan disertasi, tesis, penerbitan atau laporan projek serta menilai prestasi kemajuan Pelajar.

(5) Dekan Fakulti boleh melantik Penyelia Bersama atau Ahli Jawatankuasa Penyeliaan untuk program sarjana atau kedoktoran yang terdiri daripada—

- (a) mana-mana kakitangan akademik yang dipinjamkan ke tempat lain, atau berhenti atau bersara dari Universiti;

- (b) kakitangan akademik dari universiti lain; atau
 - (c) individu berkeelayakan dari institusi atau industri.
- (6) Penyelia Utama bagi Pelajar sarjana hendaklah memenuhi syarat—
 - (a) mempunyai kelayakan Ijazah Kedoktoran; atau
 - (b) mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dengan sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan yang berkaitan bidang kepakaran dan mempunyai pengalaman menyelia Pelajar pascasiswazah sebagai Penyelia Bersama atau ahli Jawatankuasa Penyeliaan; dan
 - (c) telah menjalani latihan penyeliaan berstruktur yang ditetapkan oleh universiti dan tamat dengan jayanya.
- (7) Penyelia Bersama bagi Pelajar sarjana hendaklah memenuhi syarat—
 - (a) berkeelayakan Ijazah Kedoktoran;
 - (b) mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dengan syarat satu tahun pengalaman dalam penyelidikan dan pengajaran; atau
 - (c) mempunyai ijazah sarjana muda dan merupakan pengamal industri yang mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan; dan
 - (d) telah menjalani latihan penyeliaan berstruktur yang ditetapkan oleh Universiti dan tamat dengan jayanya.
- (8) Penyelia Utama bagi Pelajar kedoktoran hendaklah memenuhi syarat—
 - (a) berkeelayakan Ijazah Kedoktoran;
 - (b) mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan yang berhubung dengan bidang kepakaran kecuali bagi program kedoktoran pakar di Fakulti Pergigian hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman dalam

pengajaran bidang berkaitan; dan

- (c) pernah menyelia Pelajar sarjana atau kedoktoran sebagai Penyelia Bersama atau ahli Jawatankuasa Penyeliaan sehingga tamat pengajian; dan
- (d) telah menjalani latihan penyeliaan berstruktur yang ditetapkan oleh Universiti dan tamat dengan jayanya.

(9) Walau apa pun subperaturan (8), Dekan Fakulti boleh melantik Penyelia Utama bagi Pelajar kedoktoran sekiranya—

- (a) merupakan Profesor atau Profesor Madya Universiti dengan syarat—
 - (i) pernah menyelia Pelajar sebagai Penyelia Utama di peringkat sarjana atau Penyelia Bersama peringkat kedoktoran sehingga tamat pengajian; atau
- (b) merupakan doktor pakar dengan syarat—
 - (i) mempunyai lima tahun pengalaman penyelidikan dalam bidang kepakaran yang berkaitan;
 - (ii) pernah menyelia Pelajar sebagai Penyelia Utama sekurang-kurangnya di peringkat sarjana, atau Penyelia Bersama peringkat kedoktoran sehingga tamat pengajian; dan
- (c) merupakan felo utama atau felo kanan dengan syarat—
 - (i) mempunyai ijazah sarjana; atau
 - (ii) mempunyai lima tahun pengalaman penyelidikan dalam bidang kepakaran yang berkaitan; dan
 - (iii) pernah menyelia Pelajar sebagai Penyelia Utama sekurang-kurangnya di peringkat sarjana, atau Penyelia Bersama peringkat kedoktoran sehingga tamat pengajian; dan
- (d) telah menjalani latihan penyeliaan berstruktur yang ditetapkan oleh

universiti dan tamat dengan jayanya.

(10) Walau apa pun perenggan (9)(b), pakar dari industri atau pengamal pergigian tidak boleh dilantik sebagai Penyelia Utama dan hanya boleh dilantik sebagai Penyelia Bersama bagi program kedoktoran pakar di Fakulti Pergigian.

(11) Penyelia Bersama atau ahli Jawatankuasa Penyeliaan bagi Pelajar program kedoktoran hendaklah memenuhi syarat—

- (a) berkelayakan Ijazah Kedoktoran; atau
- (b) mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dengan syarat dua tahun pengalaman penyelidikan dalam bidang berkaitan; dan
- (c) telah menjalani latihan penyeliaan berstruktur yang ditetapkan oleh universiti dan tamat dengan jayanya.

(12) Walau apa pun subperaturan (11), Dekan Fakulti boleh melantik Penyelia Bersama sekiranya—

- (a) merupakan doktor pakar dengan syarat—
 - (i) mempunyai dua tahun pengalaman penyelidikan dalam bidang kepakaran berkaitan;
- (b) merupakan seorang felo utama atau felo kanan dengan syarat mempunyai—
 - (i) Ijazah Sarjana; dan
 - (ii) dua tahun pengalaman penyelidikan dalam bidang kepakaran yang berkaitan; atau
- (c) merupakan pengamal industri dengan syarat mempunyai—
 - (i) Ijazah Sarjana; dan
 - (ii) sekurang-kurangnya sepuluh tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan; dan

(d) telah menjalani latihan penyeliaan berstruktur yang ditetapkan oleh universiti dan tamat dengan jayanya.

(13) Walau apa pun subperaturan (12), pelantikan Penyelia Bersama bagi program kedoktoran pakar di Fakulti Pergigian tertakluk kepada standard program.

(14) Dalam keadaan di mana Penyelia tidak dapat menjalankan tugasnya, Dekan Fakulti hendaklah melantik mana-mana kakitangan akademik untuk menjalankan tugas itu bagi suatu tempoh yang dikira sesuai.

(15) Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan boleh membuat permohonan pelantikan dengan kelulusan Dekan Fakulti tertakluk kepada—

(a) penukaran peranan Penyeliaan dalam kalangan Penyelia Bersama atau ahli Jawatankuasa Penyeliaan sedia ada;

(b) penukaran, penambahan Penyelia Bersama, atau ahli Jawatankuasa Penyeliaan; atau

(c) lantikan Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa yang baharu.

(16) Pelajar boleh membuat permohonan penukaran atau penambahan Penyelia secara bertulis kepada Dekan Fakulti dengan syarat tidak melebihi tiga semester untuk program kedoktoran dan dua semester untuk program sarjana selepas pendaftaran pengajian.

(17) Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan hendaklah membuat penilaian calon melalui laporan kemajuan calon pada setiap semester sepanjang tempoh pengajiannya.

(18) Mana-mana Penyelia tidak boleh menggunakan jawatan atau kedudukannya sebagai Penyelia sama ada bagi dirinya sendiri atau saudaranya apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubung dengan apa-apa perkara yang mengenai Pelajar itu, atau mana-mana saudaranya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

(19) Pelajar boleh memohon kepada Dekan Fakulti untuk melantik Penyelia yang merupakan saudaranya dengan syarat bidang penyelidikan dan kepakaran hendaklah dibuktikan terhad tertakluk kepada kelulusan Senat.

(20) Dalam keadaan Pelajar diselia oleh kumpulan dua orang Penyelia atau suatu Jawatankuasa Penyeliaan, Penyelia yang dilantik tidak boleh menjadi saudara antara satu sama lain.

Taraf dan pendaftaran kursus

16. (1) Dekan Fakulti boleh menetapkan taraf kursus dari semasa ke semasa termasuklah—

- (a) kursus teras disiplin yang wajib diikuti oleh Pelajar;
- (b) kursus elektif yang boleh dipilih oleh Pelajar dan terbahagi kepada—
 - (i) elektif bidang iaitu kursus yang menggambarkan bidang pengajian; dan
 - (ii) elektif bebas iaitu kursus diluar bidang pengajian;
- (c) kursus audit yang prestasinya tidak diambil kira dalam pengiraan markah keseluruhan untuk keperluan pengijazahan.

(2) Pelajar hendaklah mendaftar kursus tertakluk kepada struktur program yang ditetapkan oleh Fakulti.

Beban kerja kursus

17. (1) Tertakluk kepada struktur program, Pelajar di bawah perenggan 3(1)(b) dan 3(1)(c) boleh mendaftar kerja kursus seperti yang berikut:

- (a) Pelajar yang mengikuti pengajian sepenuh masa boleh mendaftar mengikut had minimum kredit dalam tiap-tiap satu semester dan tidak melebihi lima puluh kredit bagi satu tahun pengajian.
- (b) Pelajar yang mengikuti pengajian separuh masa boleh mendaftar tidak melebihi dua belas kredit dalam tiap-tiap satu semester.

(2) Pendaftaran kursus Pelajar program sarjana di bawah perenggan 3(2)(b),—

- (a) bagi Pelajar sepenuh masa hendaklah—

- (i) mendaftar satu kursus yang tidak melebihi daripada empat kredit tetapi tidak termasuk projek atau disertasi dalam satu-satu masa; dan
 - (ii) memenuhi semua keperluan kursus dan projek atau disertasi dalam tempoh tidak kurang daripada satu tahun pengajian dan tidak melebihi daripada sekali ganda tempoh pengajian sepenuh masa yang diluluskan; atau
 - (b) bagi Pelajar separuh masa hendaklah—
 - (i) mendaftar satu kursus tidak melebihi daripada empat kredit yang tidak termasuk projek atau disertasi dalam satu-satu masa; dan
 - (ii) memenuhi semua keperluan kursus dan projek atau disertasi dalam tempoh tidak kurang daripada dua tahun pengajian dan tidak melebihi daripada sekali ganda tempoh pengajian separuh masa yang diluluskan; dan
 - (c) hendaklah tidak kurang daripada empat puluh kredit sepanjang pengajian.
- (3) Pendaftaran kursus Pelajar program kedoktoran di bawah perenggan 3(2)(b),—
- (a) bagi Pelajar sepenuh masa hendaklah—
 - (i) tidak melebihi daripada enam kredit yang tidak termasuk projek atau tesis dalam satu-satu masa; dan
 - (ii) memenuhi semua keperluan kursus dan projek atau tesis dalam tempoh lazim tiga tahun pengajian dan tidak melebihi daripada enam tahun; atau
 - (b) bagi Pelajar separuh masa hendaklah—
 - (i) tidak melebihi enam kredit yang tidak termasuk projek atau tesis dalam satu-satu masa; dan

- (ii) memenuhi semua keperluan kursus dan projek atau tesis dalam tempoh lazim empat tahun pengajian dan tidak melebihi tujuh tahun; dan
- (c) hendaklah tidak kurang daripada lapan puluh kredit sepanjang pengajian.
- (4) Pelajar hendaklah mendaftar kursus dalam tempoh empat minggu dari tarikh permulaan mana-mana semester, kecuali Pelajar di bawah perenggan 3(2)(b).
- (5) Pendaftaran Pelajar Sarjana di bawah perenggan 3(1)(c), 3(2)(a), 3(2)(b) secara ODL—
 - (a) bagi Pelajar sepenuh masa hendaklah mendaftar tidak kurang daripada sebelas kredit dan tidak melebihi daripada enam belas kredit dalam satu-satu semester; atau
 - (b) bagi Pelajar separuh masa hendaklah mendaftar tidak melebihi daripada sembilan kredit dalam satu-satu semester.
- (6) Dekan Fakulti boleh mengecualikan had minimum dan maksimum pendaftaran kredit kepada mana-mana Pelajar.

Pematuhan program atau kursus

18. (1) Pelajar hendaklah memenuhi keperluan kursus seperti yang ditetapkan oleh struktur program bagi membolehkan Pelajar layak menduduki penilaian akhir bagi kursus tersebut.

(2) Pelajar yang gagal mematuhi subperaturan (1) tidak dibenarkan menduduki penilaian akhir dan akan dinilai dengan gred E.

(3) Pelajar di bawah perenggan 3(2)(c) yang gagal mematuhi subperaturan (1) tidak dibenarkan menduduki penilaian akhir dan akan dianggap gagal.

(4) Apa-apa kursus yang tidak didaftarkan oleh Pelajar tidak akan diambil kira untuk menentukan purata nilai gred dan kredit bergraduasi.

Keperluan penyelidikan

19. (1) Pelajar boleh membuat penyelidikan sama ada di Universiti atau secara sangkutan di industri atau institusi yang diiktiraf Universiti.

(2) Pelajar antarabangsa hendaklah mematuhi peraturan 12.

Penambahan, pengguguran dan penarikan diri dari kursus

20. (1) Pelajar boleh menambah atau menggugur dari kursus dalam tempoh empat minggu pertama dalam satu-satu semester.

(2) Pelajar boleh menarik diri daripada mengikuti kursus mulai minggu kelima hingga minggu kesepuluh dengan diberikan gred tarik diri dan kursus tidak akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred.

(3) Pelajar di bawah subperaturan 3(2)(b) boleh—

(a) mendaftar kursus sebelum mencapai tiga puluh peratus daripada tempoh pelaksanaan kursus.

(b) menggugur kursus sebelum mencapai empat puluh peratus daripada tempoh pelaksanaan kursus; atau

(c) menarik diri setelah menjalani—

(i) tidak kurang daripada empat puluh peratus dan tidak melebihi tujuh puluh peratus daripada tempoh pelaksanaan kursus tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti; dan

(ii) akan diberikan gred tarik diri serta tidak akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred.

(4) Sebarang tambahan dan pengguguran kursus hendaklah memenuhi keperluan jumlah kredit minimum dan maksimum di bawah peraturan 17.

(5) Pelajar yang mendaftar mana-mana kursus tetapi tidak mengikuti kursus tersebut dan tidak menggugurkannya akan dinilai dengan gred E.

(6) Pelajar di bawah subperaturan 3(1)(c) dan 3(2)(a) dan 3(2)(b) di bawah program ODL boleh—

- (a) menambah dan menggugur kursus dalam tempoh empat minggu pertama dalam satu-satu semester; atau
- (b) menarik diri daripada mengikuti kursus pada minggu kelima sehingga minggu kelapan dengan diberikan gred tarik diri dan tidak akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred.

(7) Mana-mana Pelajar yang telah menarik diri daripada mengikuti kursus di bawah peruntukan ini hendaklah menjelaskan bayaran yuran penuh.

Pemindahan kredit

21. (1) Pelajar boleh memohon pemindahan kredit mendatar tertakluk kepada kursus yang setara dalam program yang mempunyai tahap yang sama mengikut kategori yang berikut:

- (a) Penukaran program dalam Universiti.
- (b) Pelajar berpindah dari universiti luar.
- (c) Pelajar yang telah tamat pengajian dalam mana-mana program yang diiktiraf oleh Senat.
- (d) Pelajar yang tidak memenuhi keperluan pengajian atau menarik diri daripada mana-mana universiti tetapi telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus yang dipohon.
- (e) Pelajar yang terlibat dalam program mobiliti ke luar.
- (f) Pelajar yang dinilai berdasarkan APEL.C.

(2) Pelajar tidak boleh membuat permohonan pemindahan kredit daripada—

- (a) tahap sarjana kepada tahap kedoktoran atau sebaliknya; atau
- (b) program pengajian yang telah digagalkan.

(3) Pelajar di bawah subperaturan (1)(a) hingga (e) boleh memohon untuk memindahkan kredit tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) Memperoleh tidak kurang daripada gred B dalam kursus terlibat.

- (b) Kesetaraan kandungan antara kursus hendaklah tidak kurang daripada lapan puluh peratus tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti.
 - (c) Tidak melebihi tempoh lima tahun dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti.
- (4) Tiada had pindah kredit bagi Pelajar Universiti kecuali jika Pelajar menjalani pengajian di universiti berbeza, pemindahan kredit tertakluk kepada syarat pemastautin yang ditetapkan oleh Universiti.
- (5) Pemindahan kredit bagi Pelajar di bawah perenggan (1)(a), (b), (d) dan (e) yang telah diluluskan oleh Fakulti akan diambil kira dalam menentukan purata nilai gred Pelajar.
- (6) Pemindahan kredit melalui APEL.C tidak boleh melebihi enam puluh peratus daripada jumlah kredit sesuatu program pengajian.
- (7) Penganugerahan kredit APEL.C untuk program pascasiswazah adalah terhad kepada mod pengajian di bawah perenggan 3(1)(b) dan 3(1)(c).
- (8) Apa-apa permohonan pemindahan kredit hendaklah disertakan dengan bayaran pemprosesan yang ditetapkan oleh Universiti.
- (9) Permohonan pemindahan kredit hendaklah dibuat mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan oleh Universiti berserta resit bayaran seperti berikut:
- (a) Permohonan hendaklah dibuat selewat-lewatnya sebelum minggu keenam dalam semester pertama pengajian, kecuali permohonan oleh Pelajar di bawah perenggan (1)(e) dan (f).
 - (b) Pelajar di bawah perenggan (1)(e) hendaklah membuat permohonan setelah melengkapkan program.
- (10) Pemindahan kredit dari tahap sarjana muda ke sarjana adalah tidak dibenarkan kecuali penawaran program integrasi sarjana muda tahap enam dan sarjana tahap tujuh di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia.

Pengecualian kursus

22. (1) Senat boleh memberi kelulusan pengecualian kursus kepada mana-mana Pelajar yang telah tamat pengajian dalam mana-mana program yang diiktiraf oleh Senat sama ada diikuti oleh Pelajar di Universiti atau universiti luar.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (1), Pelajar hendaklah memenuhi syarat yang berikut:

- (a) Memperoleh tidak kurang daripada gred B dalam kursus terlibat.
- (b) Kesetaraan kandungan antara kursus hendaklah tidak kurang daripada lapan puluh peratus tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti.
- (c) Tidak melebihi tempoh lima tahun dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti.

(3) Permohonan pengecualian kursus hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam semester pertama pengajian.

(4) Kursus yang diberi pengecualian tidak akan menyumbang kepada—

- (a) penentuan purata nilai gred; dan
- (b) jumlah keperluan kredit bergraduasi untuk program tersebut.

(5) Pelajar yang menerima pengecualian kursus hendaklah mengambil kursus lain bagi memenuhi keperluan kredit bergraduasi, sekiranya perlu.

Disertasi atau tesis

23. (1) Dalam penyediaan disertasi atau tesis, Pelajar—

- (a) hendaklah—
 - (i) mematuhi format penulisan dan penyediaan yang diperuntukkan di bawah—
 - (A) format disertasi atau tesis konvensional; atau
 - (B) panduan penulisan disertasi atau tesis kompilasi yang ditetapkan oleh Universiti; dan

(ii) ditulis dalam Bahasa Melayu;

(iii) mendapat persetujuan Penyelia atau Jawatankuasa Penyeliaan untuk menerbitkan hasil penyelidikan; dan

(b) tidak boleh mengemukakan disertasi atau tesis yang telah diserahkan kepada Universiti atau universiti lain tetapi boleh memasukkan mana-mana bahagian daripada karya itu dengan syarat bahagian karya yang dimasukkan itu dirujuk dengan jelas.

(2) Walau apa pun subperenggan (1)(a)(ii), permohonan penulisan disertasi atau tesis dalam bahasa Inggeris atau bahasa Arab tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti dan hendaklah dibuat oleh Pelajar sekiranya—

(a) Pelajar bukan warganegara;

(b) kehendak biasiswa;

(c) kehendak majikan;

(d) Penyelia bukan warganegara; atau

(e) penulisan disertasi atau tesis format kompilasi.

(3) Bagi pemeriksa terdiri daripada bukan warganegara, Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan hendaklah membuat permohonan penulisan disertasi atau tesis dalam bahasa Inggeris atau bahasa Arab kepada Dekan Fakulti.

(4) Senat boleh menetapkan apa-apa keperluan bahasa dalam penulisan disertasi atau tesis ke atas mana-mana Pelajar tertakluk kepada dasar pendidikan tinggi Kerajaan dari semasa ke semasa.

(5) Mana-mana permohonan di bawah subperenggan 23(2)(b) dan 23(2)(c) dan subperaturan (3) hendaklah dibuat tidak lewat daripada semester keempat bagi program sarjana dan semester keenam bagi program kedoktoran.

(6) Had maksimum tesis bagi Pelajar kedoktoran di bawah perenggan 3(1)(a) hendaklah tidak melebihi satu ratus ribu patah perkataan, manakala di bawah perenggan 3(1)(c) hendaklah tidak melebihi enam puluh ribu patah perkataan.

(7) Had maksimum disertasi bagi Pelajar sarjana dengan mod pengajian di bawah perenggan 3(1)(a) hendaklah tidak melebihi enam puluh ribu patah perkataan, manakala di bawah perenggan 3(1)(c) dan 3(2)(c) hendaklah tidak melebihi lima puluh ribu patah perkataan.

(8) Walau apa pun subperaturan (6) dan (7), had maksimum perkataan adalah tertakluk kepada keperluan standard program.

(9) Had minimum perkataan adalah tertakluk kepada keperluan standard program tetapi Fakulti boleh menetapkan apa-apa had minimum patah perkataan jika tidak diperuntukkan di bawah standard program.

(10) Pelajar hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Dekan Fakulti tidak lewat daripada tiga bulan sebelum menyerahkan disertasi atau tesis untuk pemeriksaan sekiranya penulisan disertasi atau tesis melebihi had maksimum yang telah ditetapkan.

(11) Apa-apa disertasi atau tesis dan penerbitan hasil penyelidikan Pelajar hendaklah mematuhi apa-apa dasar atau polisi harta intelek Universiti.

Serahan disertasi atau tesis

24. (1) Pelajar hendaklah mengemukakan notis serahan disertasi atau tesis kepada Dekan Fakulti tidak lewat daripada tiga bulan sebelum menghantar disertasi atau tesis untuk pemeriksaan dengan syarat yang berikut:

(a) Telah memenuhi keperluan program pengajian.

(b) Mengemukakan bukti manuskrip telah dihantar untuk memenuhi syarat penerbitan.

(2) Bagi tujuan pemeriksaan disertasi atau tesis, Pelajar hendaklah—

(a) menyerahkan disertasi atau tesis dalam apa jua bentuk mengikut bilangan yang ditetapkan oleh Fakulti;

(b) telah menjelaskan yuran pemeriksaan disertasi atau tesis;

(c) mengemukakan bukti manuskrip telah diterima untuk diterbitkan bagi memenuhi syarat penerbitan yang ditetapkan oleh Univeristi;

- (d) memenuhi syarat lain yang ditetapkan oleh Universiti; dan
 - (e) mendapat pengesahan bebas plagiat daripada Dekan Fakulti.
- (3) Disertasi atau tesis boleh disediakan dalam—
- (a) format disertasi atau tesis konvensional; atau
 - (b) format kompilasi tertakluk kepada mendapat kebenaran Dekan Fakulti; dan
 - (c) mengikut apa-apa dasar penulisan disertasi atau tesis kompilasi Universiti.
- (4) Pelajar yang telah lulus peperiksaan lisan disertasi atau tesis dan diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan setelah memenuhi semua syarat yang ditetapkan hendaklah menyerahkan disertasi atau tesis dalam—
- (a) bentuk salinan lembut kepada Perpustakaan Universiti;
 - (b) bentuk salinan lembut atau berjilid keras atau kedua-duanya kepada Fakulti dan semua penyelia mengikut bentuk salinan naskah yang ditetapkan; dan
 - (c) menetapkan tahap akses disertasi atau tesis.

Syarat penerbitan

25. (1) Pelajar dengan mod pengajian di bawah—
- (a) perenggan 3(1)(a) Peraturan hendaklah melengkapkan syarat penerbitan bagi memenuhi syarat penghantaran disertasi atau tesis untuk pemeriksaan seperti yang berikut:
 - (i) Sarjana Penyelidikan Sains, Kejuruteraan atau Perubatan, satu artikel jurnal berindeks *Web of Science* (WoS) atau Scopus.
 - (ii) Sarjana Penyelidikan Sastera, Sains Sosial atau Kemanusiaan, sekurang-kurangnya satu artikel dari mana-mana kategori yang berikut:

- (A) Jurnal ERA, Scopus atau WoS;
 - (B) Jurnal Penerbit UKM dan Fakulti, Institut atau tersenarai dalam MyJurnal (*Malaysian Journal Management System*) dari MyCite;
 - (C) Buku atau Bab dalam buku diterbitkan oleh Penerbit UKM atau penerbit tersohor.
- (iii) Doktor Falsafah Sains, Kejuruteraan atau Perubatan, dua artikel jurnal berindeks WoS atau Scopus.
- (iv) Doktor Falsafah Sastera, Sains Sosial atau Kemanusiaan, dua artikel jurnal berindeks WoS atau Scopus atau sekurang-kurangnya satu jurnal scopus atau WoS dan satu artikel dari kategori berikut:
- (A) Jurnal Penerbit UKM dan Fakulti atau Institut;
 - (B) Buku atau Bab dalam buku diterbitkan oleh Penerbit UKM atau penerbitan tersohor.
- (b) perenggan 3(1)(b) dan 3(1)(c) Peraturan hendaklah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Fakulti dengan kelulusan Senat bagi memenuhi syarat pengurniaan ijazah.
- (2) Penerbitan Pelajar yang diambil kira sebagai syarat serahan disertasi atau tesis untuk pemeriksaan hendaklah memenuhi kriteria penerbitan seperti yang berikut:
- (a) Berhubung dengan bidang penyelidikan Pelajar.
 - (b) Penerbitan hendaklah dalam tempoh pengajian Pelajar.
 - (c) Penerbitan hendaklah melibatkan Penyelia Universiti sebagai pengarang.
- (3) Mana-mana Pelajar yang ingin membuat penerbitan yang dikongsi bersama bagi tujuan memenuhi syarat penerbitan boleh membuat permohonan tertakluk kepada—
- (a) kelulusan Dekan Fakulti; dan

(b) penerbitan tersebut berkaitan dengan bidang penyelidikan Pelajar.

(4) Senat boleh, jika difikirkannya wajar dan demi kepentingan Pelajar untuk berbuat demikian, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana Pelajar daripada kehendak supaya mengikuti syarat penerbitan, sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan, dan boleh pada bila-bila masa menurut budi bicaranya membatalkan pengecualian itu atau membatalkan atau mengubah atau menambah syarat itu.

(5) Walau apa pun peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, syarat penerbitan sebagai prasyarat bagi penghantaran disertasi atau tesis untuk tujuan pemeriksaan, termasuk bilangan penerbitan yang ditetapkan mengikut program dan mod pengajian, hendaklah berkuat kuasa mulai Sesi Akademik 2026/2027.

(6) Syarat penerbitan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai kepada pelajar yang mendaftar pengajian pada mana-mana sesi akademik atau semester sebelum Sesi Akademik 2026/2027, dan pelajar tersebut hendaklah tertakluk kepada syarat penerbitan yang berkuat kuasa pada tarikh pendaftaran pengajian masing-masing.

(7) Bagi maksud peralihan, pelajar yang telah mendaftar sebelum Sesi Akademik 2026/2027 tidak boleh dikenakan apa-apa keperluan tambahan berkaitan penerbitan yang diperkenalkan di bawah Peraturan-Peraturan ini sebagai syarat untuk penghantaran disertasi atau tesis bagi pemeriksaan.

BAHAGIAN IV

AM

Garis panduan, arahan, dsb.

26. (1) Senat boleh mengeluarkan apa-apa garis panduan, arahan, pekeliling, standard dan notis sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Senat, yang hendaklah dipatuhi oleh semua kakitangan dan Pelajar Universiti.

(2) Setiap garis panduan, arahan, pekeliling, standard dan notis yang dikeluarkan di bawah peraturan ini hendaklah disiarkan oleh Senat mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Senat.

(3) Senat boleh membatalkan, mengubah, menyemak semula atau meminda keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa garis panduan atau kod yang dikeluarkan di bawah peraturan ini.

Pembatalan, kecualian dan peralihan

27. (1) Apa-apa peraturan berhubung dengan pengajian pascasiswazah yang telah diluluskan oleh Lembaga sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan telah dibatalkan.

(2) Mana-mana peraturan dan tindakan yang telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah dianggap telah dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Tertakluk di bawah peraturan 25, Pelajar yang telah mendaftar sebelum Sesi Akademik 2026/2027 adalah dikecualikan sebagai prasyarat bagi penghantaran disertasi atau tesis untuk tujuan pemeriksaan, termasuk bilangan penerbitan yang ditetapkan mengikut program dan mod pengajian termasuklah keperluan tambahan berkaitan penerbitan yang diperkenalkan di bawah Peraturan-Peraturan ini sebagai syarat untuk penghantaran disertasi atau tesis bagi pemeriksaan.

(4) Segala hak, keistimewaan, liabiliti, obligasi dan kewajipan yang sebaik sebelum Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa ada pada mana-mana orang yang dilantik di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah, pada atau selepas Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa, berpindah kepada dan terletak hak pada mana-mana orang yang dilantik di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Mana-mana orang yang dilantik sebagai Penyelia, Penyelia Utama, Penasihat atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh Senat sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan sebagai telah dilantik di bawah Peraturan-Peraturan ini sehingga habis tempoh pelantikan.

(6) Mana-mana permohonan bagi pendaftaran, pembaharuan pendaftaran atau pengecualian berhubung dengan Pelajar bagi maksud pengajian pascasiswazah yang belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah diuruskan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(7) Mana-mana rayuan berhubung dengan suatu pendaftaran, pembaharuan atau pindaan pendaftaran yang belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah diuruskan di bawah arahan atau garis panduan atau peraturan yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Fakulti atau PTj Pengurusan di bawah Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

(8) Mana-mana pengecualian yang diberikan oleh Senat menurut mana-mana arahan atau garis panduan atau peraturan yang dikeluarkan oleh Fakulti atau PTj Pengurusan di bawah Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010 mengenai perkara yang berhubungan dengan pengajian pascasiswazah sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, disifatkan telah dibatalkan.

(9) Tiada apa-apa pun dalam Peraturan-Peraturan ini boleh menjejaskan kesahan dan pelaksanaan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Senat sebelum kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini berkenaan dengan apa-apa perkara yang dibuat oleh Senat berhubung dengan pelantikan, rayuan, pengecualian pendaftaran, bayaran dan keputusan itu hendaklah terus mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya walau apa pun jua yang tidak konsisten atau bertentangan dengan mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

(10) Apa-apa peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan pentadbiran yang dikeluarkan sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus terpakai setakat peraturan-peraturan, kaedah-kaedah atau arahan pentadbiran itu tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

Dibuat

[No. Ruj UKM.AKA.100-1/7/4/ UKM.PUU.100-1/1/3 JLD.3]

Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia